



**KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(TAHUN 2022)**

- Lembaga Tatatertib** : Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) Jabatan Pertanian.
- Tarikh Mesyuarat** : 4 Ogos 2022 (Khamis)
- Kumpulan Perjawatan/Gred** : Sokongan/ Pembantu Awam Gred H11
- Kesalahan** : **Pertuduhan 1**
Tidak menghadiri diri bertugas tanpa cuti, atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu, atau tanpa sebab yang munasabah sebanyak **618 hari** dalam tempoh **09 April 2019 hingga 31 Julai 2021**.
- Pertuduhan 2**
Tidak mengetik kad perakam waktu semasa masuk pejabat sebanyak **12 kali** bagi tahun 2019 dan 2020 serta ketika waktu balik sebanyak **4 kali** bagi tahun 2019.
- Pertuduhan 3**
Tidak mematuhi waktu bekerja pejabat dengan lewat hadir ke pejabat tanpa mengemukakan alasan yang munasabah sebanyak **3 kali** pada tahun 2019 dan 2020.
- Peraturan** : **Pertuduhan 1**
Tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah di bawah Peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- Pertuduhan 2**
Tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah di bawah Peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- Pertuduhan 3**
Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah di

bawah Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Hukuman : Lembaga Tatatertib mendapati pegawai **bersalah** dan dikenakan hukuman:

BUANG KERJA [Peraturan 38(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993].

Keputusan adalah berasaskan kepada pertimbangan **hal keadaan** dan **merit kes**.

Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat : -